

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Jimat RM60 untuk sistem penjagaan kesihatan dengan nilai RM1 perbelanjaan untuk perangi pengambilan garam

## PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersedia melancarkan kempen 'perang' terhadap garam yang bertujuan mengurangkan pengambilan bahan itu dalam kalangan rakyat Malaysia, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, pengurangan pengambilan garam penting kerana ia dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik yang membawa kepada kematian pramatang di negara ini.

"Ia adalah pelaburan yang baik, dengan RM1 yang dibelanjakan (untuk memerangi pengambilan garam) dianggarkan ia dapat menjimatkan kira-kira RM60 (un-

tuk sistem penjagaan kesihatan).

"Pada masa ini kami masih merancang dan Bahagian Nutrisi serta Bahagian Kesihatan Awam akan bekerjasama dalam memastikan bagaimana kita hendak memerangi pengambilan garam," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan mandat tahun baharu kepada kakitangan KKM di sini pada Jumaat.

Dr Dzulkefly berkata, inisiatif itu merupakan kesinambungan terhadap kempen Kementerian sebelum yang mengisytiharkan perang terhadap gula dan rokok bagi mempromosikan gaya hidup lebih sihat kepada masyarakat.

Menurut laporan global Pertubuhan



DR DZULKEFLY

Kesihatan Sedunia (WHO) yang dikeluarkan pada 2023, jumlah kematian terbesar yang berkait dengan diet iaitu dianggarkan 1.89 juta setiap tahun dikaitkan dengan pengambilan sodium berlebihan atau lebih dikenali sebagai garam.

Laporan tersebut menekankan mengurangkan pengambilan sodium adalah salah satu cara paling berkesan dari segi kos untuk meningkatkan kesihatan dan mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit, kerana ia dapat mengelakkan sejumlah besar kejadian dan kematian berkaitan penyakit kardiovaskular.

Sementara itu katanya KKM komited

untuk menangani isu kekurangan dan ketidakseimbangan pengagihan pètugas tahun ini.

Beliau berkata, perkara berkenaan ditangani dengan pendekatan menyeluruh kerajaan bagi memastikan perancangan dan penggunaan sumber manusia yang berkesan dapat dilaksanakan.

"Ia memerlukan pendekatan menyeluruh kerajaan di peringkat kementerian untuk menyelesaikannya kerana ia melibatkan pihak lain seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Saya tahu rakyat tertumpu kepada kami untuk menyelesaikan masalah ini dan kami akan lakukan yang terbaik insya-ALLAH. Kita ada pasukan yang sedang berusaha untuk menyelesaikannya," katanya. - *Bernama*

SINAR HARIAN M/S 10 NASIONAL 4/1/2025 (SABTU)

# Selepas gula, KKM mahu 'perangi' garam pula

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

FROM JAN 1

NST M15 &amp; NATION 4/1/2025 (C SABTU)

## UMMC raises consultation, admission fees

**KUALA LUMPUR:** Universiti Malaya Medical Centre (UMMC) has announced an increase in consultation, admission and service charges, citing rising costs of medical supplies and equipment.

The new charges, which were last revised in 2019, came into effect on Jan 1.

In a statement, UMMC said the price of consultations had increased from RM5 to RM15 (general clinic), RM30 to RM80 (specialist consultations) and RM15 to RM50 (follow-up specialist consultations).

Ward admissions have increased from RM120 to RM300 (single adult room).

UMMC said it based its charges on the activity-based costing method, which factors in all expenses, including equipment, labour, utilities, maintenance, raw materials and other costs.

"This approach ensures a comprehensive calculation of the services provided to patients."

It said while government assistance remains its main source of funding, it was responsible for generating its own income.

"The revision of charges is not aimed at profit maximisation but rather at ensuring the financial stability and sustainability of UMMC in the long term."

UMMC also listed new rates for

other services, including paediatric ward admission (RM270), emergency ward admission for adults (RM500), emergency ward admission for children (RM650) and delivery room admission (RM700).

Advance payment for paediatric and ophthalmology services will now cost RM1,500 for Malaysians, while surgical and orthopaedic services will require an advance payment of RM2,500.

The advance payment for critical care wards, including Intensive Care Unit, cardiac intensive care, neonatal intensive care and paediatric Intensive Care Units, has been set at RM5,000.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BH M/S 14 NASIONAL 4/1/2025 (SABTU)

# PPUM umum kadar caj baharu mulai 1 Januari

**Kuala Lumpur:** Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mengumumkan kadar harga baharu membabitkan perkhidmatannya, bermula 1 Januari lalu, susulan kenaikan kos bekalan dan peralatan perubatan.

Berdasarkan maklumat di laman sesawang PPUM, caj itu termasuk kenaikan bayaran perubatan dan pembedahan sebagai kadar baharu bagi fasa dua yang berkuat kuasa, Rabu lalu.

Bayaran dikenakan bagi perkhidmatan antaranya wad maya (virtual) ialah RM80; wad biasa (dewasa) RM300; wad biasa (pediatrik) RM270; wad kritikal (dewasa) RM500 dan wad kritikal (pediatrik) RM650.

Mengikuti paparan maklumat di laman webnya, kadar caj baharu itu, adalah selaras dengan usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada pesakit.

"Semakan caj dilaksanakan kerana berlaku perubahan kepada kos, terutama kepada bekalan guna hapus dan peralatan untuk caj



Kadar caj baharu PPUM menyaksikan peningkatan kos temu janji dan perundingan.

(Foto fail NSTP)

sedia ada," katanya.

Sebelum ini, kadar caj baharu PPUM yang menyaksikan peningkatan kos temu janji dan perundingan daripada RM15 hingga RM30, mula dikuatkuasakan secara berfasa, sejak September lalu.

Berdasarkan soalan lazim (FAQ) yang dipaparkan di laman sesawang PPUM, semua pihak yang berurusan dengan PPUM, akan

dikenakan caj baharu melalui fasa satu, sejak 1 September lalu.

"Semua pihak yang berurusan dengan PPUM, akan dikenakan caj baharu mulai 1 September 2024. Caj baharu PPUM adalah lebih rendah dari caj hospital swasta," katanya.

Menurut FAQ PPUM, semakan semula caj tidak membelakangkan dasar dan perancangan kerajaan dan ia masih menye-

diakan perkhidmatan rawatan kepada rakyat seperti biasa selain meraikan juga polisi kerajaan lain antaranya kebajikan kakitangan kerajaan serta menyediakan peluang pekerjaan.

Katanya, bagi pesakit di bawah kategori B40 yang tidak berkemampuan, mereka boleh menggunakan kemudahan MySalam, selain boleh dirujuk kepada Unit Taksiran, Jabatan kewangan

PPUM dan Jabatan Kerja Sosial untuk dibantu sekiranya berkecualan.

"Kemudahan sedia ada kekal dan pesakit akan diberikan pengecualian bayaran mengikut kelainan masing-masing.

"Kali terakhir kadar caj PPUM dikaji semula adalah pada 2019 namun, ia tidak menyeluruh. Semakan caj membabitkan keseluruhan perkhidmatan di PPUM," katanya.

Menurut FAQ, caj baharu ini tidak membabitkan caj ubat khas dan peralatan kerana ia dibekalkan PharmUMMC dan mengikut harga pasaran.

Katanya, aktiviti semakan semula caj ini akan dilaksanakan sekurang-kurangnya lima tahun sekali kecuali sekiranya terdapat perubahan kos signifikan kepada perkhidmatan yang ditawarkan kepada pesakit.

"Terdapat kemungkinan caj rawatan akan diturunkan sekiranya terdapat kos berkaitan didapati menurun pada masa akan datang," katanya.